

PENERAPAN NILAI SYARIAH DALAM KARYA FIKSYEN MELAYU: KAJIAN ANALISIS KANDUNGAN NOVEL AJARI AKU TENTANG RINDU

THE APPLICATION OF SHARIAH VALUES IN MALAY FICTION: A CONTENT ANALYSIS STUDY OF THE NOVEL AJARI AKU TENTANG RINDU

Nadiyah Hashim¹
Ahmad Rozaini Ali Hassan²
Hajar Opir³
Latisha Asmaak Shafie⁴
Syaimak Ismail⁵

¹ Senior Lecturer: Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi Mara, Arau, Perlis, Malaysia. (E-mail: nadiyah@uitm.edu.my)

² Senior Lecturer: Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi Mara, Seri Iskandar, Perak, Malaysia. (E-mail: ahmad@uitm.edu.my)

³ Senior Lecturer: Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor, Malaysia. (E-mail: hajar_opir@uitm.edu.my)

⁴ Senior Lecturer: Academy of Language Studies, Universiti Teknologi Mara, Perlis, Malaysia. (E-mail: ciklatisha@uitm.edu.my)

⁵ Senior Lecturer: Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi Mara, Arau, Perlis, Malaysia. (E-mail: syaimak@uitm.edu.my)

*Corresponding author: nadiyah@uitm.edu.my

Article history

Received date : 5-8-2026
Revised date : 6-8-2026
Accepted date : 12-9-2026
Published date : 17-9-2026

To cite this document:

Hashim, N., Ali Hassan, A. R., Opir, H., Shafie, L. A., & Ismail, S. (2026). Penerapan nilai Syariah dalam karya fiksiyen Melayu: Kajian analisis kandungan novel Ajari Aku Tentang Rindu. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (86), 408 – 419.

Abstrak: Kajian ini bertujuan meneliti penerapan nilai syariah dalam novel Melayu kontemporari dengan menjadikan novel *Ajari Aku Tentang Rindu* karya Adnin Rosli sebagai teks kajian. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti bentuk penerapan nilai syariah dalam novel tersebut serta menganalisis fungsi nilai syariah dalam pembinaan naratif karya. Kajian menggunakan pendekatan analisis kandungan melalui kaedah pembacaan dekat (close reading) terhadap teks novel dengan berpanduan kod-kod syariah yang dibangunkan berdasarkan prinsip keislaman yang terdapat dalam teori Takmilah dan prinsip keagamaan dalam teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti 26.. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengarang menerapkan prinsip syariah melalui pembinaan watak, dialog dan penyelesaian cerita secara tidak langsung tanpa menjejaskan perkembangan naratif. Selain berfungsi sebagai medium hiburan, novel ini turut berperanan sebagai wahana pendidikan yang menyampaikan nilai-nilai syariah kepada pembaca. Kajian ini memperlihatkan hubungan yang erat antara sastera dan syariah serta menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan karya fiksiyen dalam menyebarkan nilai-nilai Islam dalam masyarakat Melayu kontemporari. Dapatan kajian juga memperkukuh

kedudukan sastra sebagai medium dakwah dan pendidikan yang berkesan dalam pembentukan pemikiran serta akhlak masyarakat.

Kata Kunci: *Adnin Rosli, fiksiyen Melayu, novel Melayu, sastra Islam, Syariah.*

Abstract: *This study aims to examine the application of Sharia values in contemporary Malay novels by using *Ajari Aku Tentang Rindu* by Adnin Rosli as the primary text of analysis. Specifically, the study seeks to identify the forms through which Sharia values are embedded in the novel and to analyse their functions in the construction of the narrative. A qualitative content analysis approach was employed, using close reading of the selected novel. The analysis was guided by a set of Sharia codes developed based on the Islamic principles of the Takmilah Theory and the religious principles of the Malay Methodology Theory (Teori Pengkaedahan Melayu). The data were analysed using ATLAS.ti 26 software. The findings reveal that the author integrates Sharia principles through characterisation, dialogue, and conflict resolution in a subtle manner without disrupting the narrative development. Beyond serving as a source of entertainment, the novel also functions as an educational medium that conveys Sharia values to its readers. The study demonstrates the close relationship between literature and Sharia, contributing to a deeper understanding of the role of fiction in disseminating Islamic values within contemporary Malay society. Furthermore, the findings reinforce the significance of literature as an effective medium for *dakwah* (Islamic preaching) and moral education in shaping the thoughts and character of society.*

Keywords: *Adnin Rosli, Islamic literature, Malay fiction, Malay novel, Sharia values.*

Pengenalan

Kesusasteraan Melayu bukan sahaja berfungsi sebagai medium hiburan, malah berperanan sebagai wahana pendidikan dan penyampaian nilai-nilai Islam kepada masyarakat. Dalam konteks sastra Islam kontemporari, penerapan nilai syariah dalam karya fiksiyen menjadi antara aspek penting yang mencerminkan tanggungjawab pengarang dalam membentuk pemikiran, akhlak dan sahsiah pembaca. Walau bagaimanapun, kajian yang meneliti penerapan nilai syariah secara sistematik berdasarkan kerangka teori sastra tempatan masih terhad. Oleh itu, kajian ini bertujuan meneliti penerapan nilai syariah dalam novel *Ajari Aku Tentang Rindu* karya Adnin Rosli (2024) dengan mengaplikasikan prinsip keislaman dalam Teori Takmilah dan prinsip keagamaan dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan terhadap karya fiksiyen Melayu yang dipilih secara persampelan bertujuan. Analisis dilaksanakan melalui pembacaan dekat (close reading) bagi mengenal pasti bentuk pembinaan watak, dialog, konflik dan penyelesaian konflik yang berkaitan dengan nilai keislaman, budaya dan Maqasid Syariah. Data yang dikenal pasti dikod dan dianalisis secara tematik dengan bantuan perisian ATLAS.ti 26. Proses analisis seterusnya melibatkan pemetaan dan sintesis dapatan berdasarkan Teori Takmilah, Teori Pengkaedahan Melayu dan prinsip Maqasid Syariah bagi membentuk kerangka konseptual penulisan fiksiyen Melayu. Novelti kajian ialah penonjolan nilai syariah melalui pembentukan watak, dialog dan khususnya penyelesaian konflik dalam karya fiksiyen Melayu. Hasil kajian memperlihatkan bahawa penyelesaian konflik merupakan ruang penting untuk menerjemahkan nilai syariah melalui pilihan tindakan yang mempertimbangkan kemaslahatan, kemudharatan dan prinsip Maqasid Syariah.

Kajian Terdahulu

Terdapat 3 topik utama kajian terdahulu yang berkaitan dengan tajuk kajian. Pertama berkaitan maksud syariah, kedua mengenai maksud novel dan sekaligus membincangkan mengenai bagaimana penerapan nilai syariah di dalam penulisan novel. Seterusnya perbincangan terdahulu mengenai Teori Takmilah dan Teori Pengkaedahan Melayu dan perbincangan analisis kedua teori berkenaan berkaitan penulisan novel.

Maksud Syariah

Secara etimologis, syariah berasal dari makna jalan ke sumber air, yang dipahami sebagai jalan pokok bagi kehidupan (Syarif, 2017; Taufiq, 2021; Mufidah et al., 2021). Dalam penggunaan keagamaan, syariah bererti jalan luas menuju kehidupan yang baik dan sesuai kehendak Tuhan (Syarif, 2017; Taufiq, 2021; Syarif, 2017). Secara terminologis, syariah adalah aturan-aturan yang ditetapkan Allah untuk diikuti manusia dalam hubungan dengan Tuhan, sesama manusia, dan lingkungan sekitarnya (Taufiq, 2021). Cakupannya luas, meliputi akidah, ibadah, akhlak, muamalah dan perilaku sosial, bukan hanya hukum fekah semata (Syarif, 2017; Mufidah et al., 2021).

Maksud Novel

Novel umumnya didefinisikan sebagai salah satu ragam prosa naratif dalam sastra, dengan isi yang merekam atau menggambarkan kehidupan manusia dan dunia rekaan (Vianinsia & Pusposari, 2023; Wahid, 2024). Dalam beberapa kajian, novel juga didefinisikan sebagai karangan prosa yang memuat rangkaian kehidupan seseorang dengan orang-orang di sekelilingnya sambil menonjolkan watak dan sifat pelaku (Wahid, 2024).

Dalam kajian yang tersedia, nilai syariah dalam novel fiksiyen paling sering diterapkan melalui tiga aspek: akidah, syariah, dan akhlak, lalu diwujudkan lewat tokoh, dialog, alur dan situasi keseharian (Amertawingrum et al., 2021; Sofyan et al., 2021). Bukti juga menunjukkan bahwa penerapan itu tidak terbatas pada novel berlabel Islami, kerana novel popular non-Islami pun dapat memuat nilai keislaman yang disisipkan secara halus dan tidak terasa menggurui (Novianti & Budiantoro, 2021).

Nilai Syariah di dalam Novel

Nilai syariah di dalam novel biasanya muncul sebagai manifestasi amalan secara nyata, bukan definisi abstrak. Dalam Pudarnya Pesona Cleopatra, nilai syariah direpresentasikan melalui puasa sunnah, khutbah dan pernikahan (Amertawingrum et al., 2021). Dalam Adzra' Jakarta, pelaksanaan syariah mencakupi halal-haram, larangan membunuh, batas sentuhan bukan mahram, larangan menikahi non-Muslim, larangan *khamr*, membaca Al-Qur'an dan cara berpakaian muslimah (Sofyan et al., 2021).

Penerapan itu umumnya disatukan dengan akhlak dan akidah, bukan berdiri sendiri. Pudarnya Pesona Cleopatra menggabungkan syariah dengan iman kepada Allah dan Al-Qur'an serta akhlak seperti sabar, taat kepada orang tua dan menjaga silaturahmi (Amertawingrum et al., 2021). Adzra' Jakarta juga menempatkan syariah berdampingan dengan unsur keimanan dan akhlak sosial seperti rahmah, ukhuwah, dan hormat kepada yang lebih tua (Sofyan et al., 2021).

Kelebihan penerapan nilai syariah di dalam novel fiksiyen ialah nilai Islam yang sering disisipkan dalam alur cerita ia lebih mudah diterima pembaca remaja (Novianti & Budiantoro, 2021). Novel memenuhi kehendak syariah tidak semestinya mesti bergenre agama atau membawa isu-isu agama sahaja malah novel bergenre biasa seperti cinta, seram dan komedi juga boleh membawa nilai sedemikian seperti yang disebut dalam kajian Novianti &

Budiantoro (2021). Ia boleh diselitkan pada dialog dan tingkah laku tokoh menjadi saluran utama penyampaian nilai moral dan kesetaraan gender (Novianti & Budiantoro, 2021). Representasi keislaman juga dapat bersifat kritis dan problematis, misalnya tokoh Muslim dengan pemahaman agama dangkal atau gambaran Muslim yang menantang stereotip (Bakar, 2022; Sameer, 2025).

Teori Takmilah dan Teori Pengkaedahan Melayu

Teori Takmilah yang diasaskan oleh Shafie Abu Bakar pada tahun 1996 menjadi bukti nyata kepada manifestasi kemajuan para karyawan Muslim di bumi Nusantara. Teori Pengkaedahan Melayu pula diasaskan oleh Hashim Awang (2002).

Teori Takmilah terdapat enam elemen utama iaitu ketuhanan, kerasulan, keislaman, estetika, pengarang dan pembaca. Manakala Teori Pengkaedahan Melayu terbahagi kepada keagamaan dan alamiah. Hasil gabungan keislaman dalam Teori Takmilah dan keagamaan dalam Teori Pengkaedahan Melayu, kajian ini menghasilkan elemen nilai syariah untuk menganalisis novel ajari Aku Tentang Rindu.

Kajian ini telah menggabungkan prinsip keislaman di dalam teori Takmilah dan prinsip keagamaan di dalam Teori Pengkaedahan Melayu dan telah mengeluarkan kod-kod untuk digunakan dalam menganalisis novel Ajari Aku Tentang Rindu. Berikut merupakan jadual penjelasan mengenai gabungan teori berkenaan:

Jadual 1: Gabungan Prinsip Keislaman (Teori Takmilah) dan Prinsip Keagamaan (Teori Pengkaedahan Melayu)

Teori	Prinsip	Kod Syariah
Takmilah	Keislaman	Akidah, Syariah, Akhlak
Pengkaedahan Melayu	Keagamaan	Kepatuhan kepada hukum Islam, Dakwah, Nilai Islam Ibadah, Muamalah, Halal-Haram,
Gabungan Teori	Nilai syariah	Menjauhi Maksiat, Pemeliharaan Maruah, Pemeliharaan Nyawa, Taubat, Amar Makruf Nahi Mungkar, Penyelesaian Konflik Berteraskan Islam

Sumber: Penyelidik (2026)

Jadual 1 memperlihatkan gabungan antara prinsip keislaman dalam Teori Takmilah dengan prinsip keagamaan dalam Teori Pengkaedahan Melayu sebagai asas pembentukan nilai syariah dalam kerangka karya fiksyen Melayu. Kedua-dua teori tersebut mempunyai titik persamaan, iaitu menjadikan Islam sebagai asas pembinaan karya sastera, namun masing-masing memberikan penekanan yang berbeza dan saling melengkapi.

Melalui Teori Takmilah, prinsip keislaman diterjemahkan menerusi tiga komponen utama, iaitu akidah, syariah dan akhlak. Ketiga-tiga komponen ini membentuk asas pembangunan insan yang berteraskan tauhid serta menekankan kesempurnaan rohani dan jasmani. Dalam konteks karya fiksyen, prinsip tersebut berfungsi sebagai panduan dalam pembinaan watak, pengembangan konflik dan penyampaian mesej yang selaras dengan nilai-nilai Islam.

Sementara itu, Teori Pengkaedahan Melayu melalui prinsip keagamaan menekankan bahawa karya sastera hendaklah menjadi medium penyampaian nilai syariah, dakwah dan pendidikan masyarakat. Prinsip ini bukan sahaja mengangkat kepentingan kepatuhan terhadap hukum Islam, malah menekankan penerapan nilai seperti ibadah, muamalah, halal dan haram, menjauhi

maksiat, amar makruf nahi mungkar, taubat serta pemeliharaan maruah dan nyawa. Nilai-nilai tersebut turut menjadi asas kepada pembentukan penyelesaian konflik yang berteraskan Islam.

Gabungan kedua-dua teori ini menghasilkan suatu kerangka nilai syariah yang lebih komprehensif. Teori Takmilah menyediakan dimensi pembangunan insan melalui pengukuhan akidah, syariah dan akhlak, manakala Teori Pengkaedahan Melayu memperluaskan aplikasi prinsip tersebut dalam konteks fungsi sosial sastera sebagai medium dakwah dan pembentukan masyarakat. Integrasi ini menunjukkan bahawa karya fiksyen Melayu bukan sahaja perlu menampilkan keindahan estetika, tetapi juga berperanan menyampaikan nilai-nilai Islam secara berhikmah dan berkesan.

Secara keseluruhannya, gabungan prinsip keislaman dan prinsip keagamaan ini membentuk asas kepada pembinaan Kerangka Karya Fiksyen Melayu berteraskan Maqasid Syariah, yang menghubungkan aspek pembangunan insan, kepatuhan syariah dan tanggungjawab sosial dalam penghasilan karya sastera yang berkualiti serta bermaslahat.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kaedah penerapan nilai syariah di samping menganalisis peranannya dalam mencorakkan struktur naratif sesebuah karya.

Jurang Kajian

Sorotan literatur menunjukkan bahawa kebanyakan kajian terdahulu meneliti penerapan nilai Islam dalam karya sastera atau mengaplikasikan Teori Takmilah dan Teori Pengkaedahan Melayu secara berasingan. Walau bagaimanapun, kajian yang mengintegrasikan prinsip keislaman dalam Teori Takmilah dengan prinsip keagamaan dalam Teori Pengkaedahan Melayu bagi membangunkan kod-kod syariah sebagai kerangka analisis karya fiksyen masih terhad. Selain itu, novel *Ajari Aku Tentang Rindu* karya Adnin Rosli juga masih belum diketengahkan sebagai teks kajian dalam penyelidikan berkaitan penerapan nilai syariah. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi mengisi jurang tersebut dengan membangunkan kod-kod syariah berasaskan integrasi kedua-dua teori untuk menganalisis penerapan nilai syariah dalam novel tersebut secara lebih holistik.

Kajian Kes: *Ajari Aku Tentang Rindu*

Novel *Ajari Aku Tentang Rindu* karya Adnin Roslan diterbitkan pada tahun 2024 dan mendapat sambutan yang baik dalam kalangan pembaca. Novel ini mengisahkan perjalanan hidup seorang pemuda bernama Ismail yang terperangkap dalam pelbagai konflik kehidupan akibat kesilapan masa lalu, tekanan keluarga dan pengaruh persekitaran yang negatif. Kehidupan Ismail menjadi semakin rumit apabila beliau terlibat dalam insiden yang menyebabkan kematian seorang ahli ah long, sekali gus mengheretnya ke dalam dunia jenayah dan keganasan. Dalam keadaan terdesak, Ismail berhadapan dengan pelbagai dilema moral yang menguji keimanan, prinsip hidup dan hubungannya dengan Allah SWT.

Walaupun memaparkan pelbagai konflik yang kompleks, novel ini menonjolkan proses perubahan dan transformasi watak utama daripada kehidupan yang dipenuhi dosa kepada usaha mencari keampunan, ketenangan jiwa dan jalan kembali kepada ajaran Islam. Perjalanan tersebut dipenuhi dengan unsur muhasabah diri, penyesalan, taubat dan pencarian makna kehidupan yang sebenar. Tema kerinduan yang diketengahkan oleh pengarang bukan sekadar merujuk kepada hubungan sesama manusia, tetapi turut membawa makna kerinduan seorang hamba untuk mendekati Rasulullah SAW dan memperoleh keredaan Allah SWT.

Novel ini dipilih sebagai teks kajian kerana kandungannya yang sarat dengan nilai-nilai Islam serta penerapan prinsip syariah yang disampaikan melalui pembinaan watak, dialog, konflik dan penyelesaian cerita. Selain itu, novel ini mewakili karya fiksiyen Melayu kontemporari yang berjaya menggabungkan unsur dakwah dan penceritaan secara seimbang, sekali gus menjadikannya sesuai untuk dianalisis dari perspektif penerapan nilai syariah dalam karya sastera.

Novel ini adalah mengenai “perjalanan dari kegelapan menuju cahaya, dari kehancuran menuju taubat nasuha, dalam mencari jawapan atas pertanyaan besar tentang rindu.” (Tarbiah Sentap, 2024)

Kepentingan Penerapan Nilai Syariah

Kepentingan penerapan nilai syariah dalam novel adalah untuk menjadikan karya sastera sebagai medium pendidikan, dakwah dan pembentukan karakter Islami dalam kalangan pembaca. Nilai-nilai syariah lazimnya diterapkan melalui penggambaran ibadah, aturan sosial, hubungan sesama manusia serta tingkah laku yang selaras dengan ajaran Islam. Melalui pendekatan ini, novel bukan sahaja berfungsi sebagai medium hiburan, malah turut berperanan menyampaikan ilmu agama dan membentuk kesedaran moral masyarakat.

Sorotan kajian menunjukkan bahawa penerapan nilai syariah merupakan unsur yang signifikan dalam pelbagai novel Islamik. Sebagai contoh, novel *Tuhan, Aku Kembali* karya Haidar Musyafa menekankan kepentingan solat berjemaah, kewajipan menunaikan solat dan berbakti kepada ibu bapa (Rusli, 2020). Novel *Pudarnya Pesona Cleopatra* karya Habiburrahman El Shirazy pula memberi penekanan kepada amalan puasa sunat, khitbah, pernikahan, ketaatan kepada suami dan pemeliharaan silaturahim (Amertawingrum et al., 2021). Seterusnya, novel *Assalamualaikum Beijing* karya Asma Nadia mengangkat aspek syahadah, solat, doa, zikir, pemakaian yang menepati syariah dan perkahwinan sebagai elemen penting dalam pembentukan identiti Muslim (Andriani et al., 2018; Yuwana, 2018).

Selain itu, kajian terhadap novel *Nafsul Muthmainnah* karya Anfika Noer mendapati penerapan nilai syariah meliputi aspek ibadah wajib, ibadah sosial dan muamalah (Irwansyah, 2018). Novel *Cinta dalam Sujudku* karya Pipiet Senja pula menampilkan pembahagian ibadah kepada ibadah khusus dan ibadah umum yang merangkumi solat, puasa, zakat serta amalan kehidupan yang selaras dengan syariah (Nopiani et al., 2015). Dapatan yang sama turut ditemukan dalam novel *Bumi Bidadari*, *Bujang dan Jeneral Portugis* dan *99 Cahaya di Langit Eropa* yang memperlihatkan penerapan nilai syariah melalui amalan ibadah, hubungan sosial, muamalah dan etika kehidupan Muslim (Rahmawati, 2018; Riza et al., 2024; Randi, 2019).

Secara keseluruhannya, kajian-kajian terdahulu memperlihatkan bahawa nilai syariah dalam novel dapat dikategorikan kepada tiga dimensi utama. Pertama, dimensi ibadah yang merangkumi amalan seperti solat, puasa, zakat, haji, doa dan zikir. Kedua, dimensi muamalah yang melibatkan hubungan sosial, perkahwinan, silaturahim, pinjam-meminjam dan adab berpakaian. Ketiga, dimensi pembentukan karakter yang menekankan nilai-nilai seperti ketaatan kepada ibu bapa, kejujuran, amanah, tanggungjawab, kesabaran dan sikap tolong-menolong. Walaupun setiap kajian menggunakan kerangka teori dan pendekatan yang berbeza, dapatan secara konsisten menunjukkan bahawa penerapan nilai syariah dalam novel berfungsi sebagai medium dakwah dan pendidikan moral yang berupaya membentuk pemikiran, akhlak dan cara hidup pembaca selaras dengan tuntutan Islam.

Selain itu, kajian yang meneliti penerapan nilai syariah dalam novel Melayu kontemporari, khususnya *Ajari Aku Tentang Rindu* karya Adnin Roslan, juga masih belum ditemukan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengisi jurang tersebut dengan meneliti bentuk penerapan nilai syariah dalam novel berkenaan serta menganalisis kepentingannya dalam menyampaikan mesej Islam kepada pembaca.

Analisis Kandungan Nilai Syariah

Hasil analisis mendapati bahawa penerapan nilai syariah dalam novel *Ajari Aku Tentang Rindu* berlaku melalui pelbagai bentuk yang merangkumi penerangan hukum dan konsep Islam, pertimbangan moral berdasarkan prinsip syariah, penggunaan sumber agama sebagai sandaran serta penyelesaian konflik yang selaras dengan nilai keislaman. Oleh kerana keterbatasan ruang penulisan, kajian ini hanya membincangkan empat contoh yang paling signifikan dan mewakili pola penerapan syariah yang dominan dalam novel tersebut.



Rajah 1: Analisis Syariah Novel Ajari Aku Tentang Rindu

Sumber: Penyelidik (2026)

Analisis Kandungan:

1. Pendidikan Hukum dan Kefahaman Syariah: penerangan tentang maksud maksiat.
*“Orang-orang pada hari ini beranggapan bahawa maksiat hanyalah pada zina, seks bebas atau apa-apa yang melibatkan kemaluan semata.
 tak solat maksiat
 mencuri, maksiat
 mengumpat, maksiat
 minum arak, maksiat”* (Adnin Roslan 2024:72-73) .

Petikan di atas memperlihatkan usaha pengarang memperbetulkan kefahaman masyarakat tentang konsep maksiat menurut perspektif Islam. Melalui dialog yang disampaikan, pengarang menjelaskan bahawa maksiat tidak terbatas kepada perlakuan zina atau seks bebas semata-mata, sebaliknya merangkumi segala bentuk perbuatan yang melanggar perintah Allah SWT dan meninggalkan kewajipan yang ditetapkan oleh syarak. Penegasan bahawa perbuatan seperti tidak menunaikan solat, mencuri, mengumpat dan minum arak juga merupakan maksiat menunjukkan keluasan konsep tersebut dalam Islam.

Dari sudut syariah, petikan ini berfungsi sebagai medium pendidikan kepada pembaca dengan memberikan kefahaman yang tepat tentang batas halal dan haram serta tanggungjawab seorang Muslim terhadap perintah agama. Pengarang tidak hanya menampilkan unsur dakwah secara

langsung, malah berusaha membetulkan salah faham yang wujud dalam masyarakat mengenai definisi maksiat. Pendekatan ini membolehkan pembaca menilai semula tingkah laku mereka berdasarkan panduan syariah yang sebenar.

Selain itu, penerapan nilai syariah melalui penjelasan konsep maksiat ini turut memperlihatkan fungsi sastera sebagai wahana penyebaran ilmu Islam. Dialog yang digunakan bukan sekadar mengembangkan plot cerita, tetapi turut menyampaikan pengajaran berkaitan akhlak dan kepatuhan kepada syariat. Hal ini menunjukkan bahawa novel *Ajari Aku Tentang Rindu* berjaya menggabungkan unsur hiburan dan pendidikan secara seimbang, sekali gus menyumbang kepada pembentukan kesedaran agama dalam kalangan pembaca.

2. Pertimbangan Moral Berdasarkan Keutamaan Syariah: Konflik antara nyawa ibu atau melakukan terlibat dengan jenayah.

“kalau kau setuju, aku pejam mata je pasal hutang mak kau. Tapi kalau kau tak setuju.. maaf cakap aku kena putuskan nyawa dia malam ini.” (Adnin Roslan 2024:116)

Petikan di atas menggambarkan konflik yang amat mencabar apabila Ismail dipaksa membuat pilihan antara keselamatan nyawa ibunya dengan penglibatannya dalam kegiatan jenayah. Ancaman yang diberikan oleh ketua ah long meletakkan Ismail dalam keadaan terdesak sehingga beliau terpaksa memilih antara dua kemudaran yang besar. Dalam konteks Maqasid Syariah, situasi ini berkait rapat dengan prinsip *hifz al-nafs* (pemeliharaan nyawa) yang menekankan kepentingan melindungi kehidupan manusia daripada sebarang ancaman dan kemusnahan.

Keputusan Ismail untuk menerima tawaran menjadi kuncu ah long bukanlah digambarkan sebagai tindakan yang benar atau ideal menurut syariah, sebaliknya merupakan pilihan yang dibuat dalam keadaan terpaksa bagi menyelamatkan nyawa ibunya daripada ancaman bunuh. Situasi ini menunjukkan konflik moral yang kompleks apabila seseorang berhadapan dengan dua pilihan yang sama-sama membawa mudarat. Berdasarkan prinsip keutamaan dalam Maqasid Syariah, pemeliharaan nyawa dianggap sebagai salah satu tujuan utama syariat yang perlu diberi perhatian dalam keadaan tertentu. Oleh itu, tindakan Ismail dapat difahami sebagai usaha mengelakkan kemudaran yang lebih besar, iaitu kehilangan nyawa ibunya.

Menariknya, pengarang tidak menamatkan konflik tersebut dengan menormalisasikan kegiatan jenayah, sebaliknya memperlihatkan usaha Ismail untuk melaksanakan tugas yang diberikan dengan penuh kasih sayang, hikmah dan nilai kemanusiaan. Walaupun berada dalam persekitaran yang negatif, Ismail berusaha mempengaruhi individu di sekelilingnya ke arah perubahan yang lebih baik. Perkembangan ini memperlihatkan bahawa nilai-nilai Islam masih menjadi panduan kepada watak tersebut dalam menghadapi ujian hidup yang sukar. Secara tidak langsung, pengarang menegaskan bahawa setiap manusia mempunyai ruang untuk melakukan pembaikan diri dan menyebarkan kebaikan walaupun berada dalam keadaan yang penuh cabaran.

Petikan ini menunjukkan bahawa novel *Ajari Aku Tentang Rindu* mengangkat konflik kehidupan yang realistik sambil menampilkan kepentingan membuat pertimbangan berdasarkan keutamaan Maqasid Syariah. Melalui watak Ismail, pengarang memperlihatkan bahawa pemeliharaan nyawa merupakan tuntutan yang penting dalam Islam, namun pada masa yang sama tindakan yang bertentangan dengan syariah tetap perlu diperbaiki dan diarahkan kepada jalan yang lebih baik.

3. Penggunaan Nas Agama sebagai Autoriti Moral

Nabi sangat cintakan umatnya dan antara dosa yang menyebabkan tidak boleh jumpa nabi ialah Dosa 28. Membunuh Tanpa Hak (Adnin Roslan 2024:288)

Kajian mendapati bahawa pengarang menyelitkan petikan hadis dan ayat-ayat al-Quran dalam novel sebagai sandaran autoritatif bagi mengukuhkan mesej serta nilai-nilai Islam yang ingin disampaikan kepada pembaca. Penggunaan sumber-sumber agama ini memperlihatkan kesungguhan pengarang dalam memastikan setiap nasihat, pandangan dan prinsip kehidupan yang diketengahkan mempunyai asas yang sahih serta selaras dengan ajaran Islam. Pendekatan tersebut turut meningkatkan kredibiliti karya sebagai medium dakwah dan pendidikan yang berupaya menyampaikan ilmu agama kepada masyarakat melalui medium sastera.

Walau bagaimanapun, kajian ini juga mendapati bahawa terdapat beberapa bahagian yang mengandungi huraian keagamaan yang agak panjang dan terperinci seperti di muka surat 210 hingga 282. Walaupun digambarkan ia adalah karangan daripada kawannya untuk Ismail baca, tetapi ruangan tazkirah yang terlalu panjang akan membosankan. Keadaan ini sedikit sebanyak mengurangkan unsur penceritaan kerana fokus naratif beralih kepada penyampaian maklumat agama secara langsung. Akibatnya, pembaca berkemungkinan merasakan seolah-olah sedang membaca sebuah buku motivasi atau buku agama berbanding sebuah karya novel yang menekankan perkembangan plot, konflik dan pembinaan watak. Oleh itu, keseimbangan antara unsur dakwah dan aspek estetika sastera perlu diberikan perhatian agar mesej keagamaan dapat disampaikan secara berkesan tanpa menjejaskan kelancaran serta daya tarikan naratif.

4. Penyelesaian Konflik Berteraskan Nilai Islam

Ismail membuka jaket yang dipakainya, ada buku "Tuhan, Aku Ingin Jumpa Nabi" pemberian Hannah tempoh hari. Ada sebutir peluru di depan buku itu. Ternyata, buku itu menyelamatkannya.

Buku itu menjadi asbab, dia masih bernyawa. Buku itu masih ada di dalam jaketnya, seolah-olah menjadi penyelamat dan pemberi harapan. (Adnin Roslan 2024:351)

Pada bahagian penutup novel, pengarang menampilkan penyelesaian yang membawa watak utama, Ismail, keluar daripada kehidupan gelap yang dipenuhi unsur jenayah, keganasan dan peras ugut ah long. Perubahan ini memperlihatkan proses transformasi diri yang berlaku hasil kesedaran, penyesalan dan keinginan untuk kembali kepada kehidupan yang lebih diredai Allah SWT. Penyelesaian sebegini selari dengan nilai Islam yang menekankan konsep taubat, pengampunan dan peluang untuk memperbaiki diri walaupun seseorang pernah melakukan kesilapan pada masa lalu.

Menariknya, pengarang menggunakan simbolisme melalui buku *Tuhan, Aku Ingin Jumpa Nabi* yang secara tidak langsung menyelamatkan Ismail daripada terkena tembakan peluru. Peristiwa ini bukan sekadar berfungsi sebagai elemen dramatik dalam penceritaan, malah membawa makna simbolik yang mendalam. Buku tersebut melambangkan hidayah, ilmu dan kecintaan kepada Rasulullah SAW yang menjadi pelindung serta panduan dalam kehidupan manusia. Pengarang seolah-olah ingin menegaskan bahawa pegangan kepada ajaran agama mampu menjadi benteng yang menyelamatkan seseorang daripada kemusnahan hidup, sama ada secara fizikal mahupun spiritual.

Selain itu, penggunaan buku tersebut pada penghujung cerita turut memberikan jawapan terhadap persoalan utama yang terkandung dalam judul novel *Ajari Aku Tentang Rindu*. Kajian mendapati bahawa konsep rindu yang diketengahkan oleh pengarang bukan sekadar merujuk

kepada kerinduan sesama manusia, tetapi lebih mendalam daripada itu, iaitu kerinduan seorang hamba yang pernah bergelumang dengan dosa untuk kembali mendekati Rasulullah SAW serta meneladani ajaran Baginda. Rindu yang dimaksudkan merupakan manifestasi kesedaran rohani yang lahir daripada penyesalan dan keinginan untuk berubah menjadi insan yang lebih baik. Oleh itu, penutup novel ini berjaya menghubungkan keseluruhan perjalanan hidup Ismail dengan mesej dakwah yang ingin disampaikan oleh pengarang, iaitu bahawa setiap manusia mempunyai peluang untuk kembali kepada jalan yang benar melalui taubat, ilmu dan kecintaan kepada Rasulullah SAW.

Kesimpulan dan Cadangan Kajian Masa Depan

Kajian ini membuktikan bahawa nilai-nilai syariah dapat diterapkan secara berkesan dalam karya fiksi tanpa menjejaskan fungsi novel sebagai medium hiburan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengarang berjaya mengintegrasikan prinsip syariah melalui pembinaan watak, dialog, konflik dan penyelesaian cerita yang selaras dengan ajaran Islam. Pendekatan ini membolehkan mesej dakwah disampaikan secara tidak langsung melalui penceritaan, sekali gus menjadikan novel sebagai medium pendidikan yang berkesan kepada masyarakat.

Sehubungan itu, penulis novel wajar mengambil peluang untuk menghasilkan karya yang bukan sahaja menghiburkan, malah mampu menyampaikan nilai-nilai syariah kepada pembaca. Penerapan nilai syariah boleh dilakukan melalui dialog, tindakan watak, pembinaan konflik dan perkembangan plot. Yang lebih penting, penyelesaian konflik hendaklah bertepatan dengan prinsip syariah agar dapat menjadi panduan dan teladan kepada pembaca dalam menghadapi pelbagai cabaran kehidupan.

Dari sudut penyelidikan, kajian-kajian terdahulu dalam bidang sastera masih banyak tertumpu kepada pendekatan kualitatif deskriptif dan analisis teks melalui kajian perpustakaan (Amertawingrum et al., 2021; Sofyan et al., 2021; Utami et al., 2023). Walaupun pendekatan ini berjaya mengenal pasti tema, nilai dan mesej yang terkandung dalam karya, bukti empirikal mengenai kesan pembacaan novel terhadap pemikiran, sikap dan tingkah laku pembaca masih terhad. Selain itu, masih terdapat kekurangan kajian yang membezakan secara jelas antara nilai syariah dengan nilai moral Islam yang bersifat umum (Novianti & Budiantoro, 2021; Utami et al., 2023).

Oleh itu, kajian pada masa hadapan dicadangkan untuk meneliti kesan pembacaan novel berunsur syariah terhadap pembaca daripada pelbagai latar belakang dan peringkat umur melalui pendekatan empirikal seperti soal selidik, temu bual atau reka bentuk eksperimen. Kajian lanjutan juga boleh membangunkan kerangka analisis yang lebih sistematik bagi mengenal pasti dan mengukur penerapan nilai syariah dalam karya fiksi. Walaupun nilai syariah sering dikaitkan dengan konsep keadilan, amanah, kemaslahatan dan kepatuhan terhadap hukum Islam (Safriatullah et al., 2025; Muhamad et al., 2025; Salsabila et al., 2024), penerapan konsep-konsep tersebut dalam analisis novel fiksi masih kurang diterokai secara mendalam. Justeru, kajian yang lebih pelbagai dari segi teori, metodologi dan data empirikal diperlukan bagi memperkukuh asas konseptual serta memperluas pemahaman tentang hubungan antara sastera dan syariah dalam konteks masyarakat kontemporari.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ACIS UiTM Perlis atas anjuran Konferensi dan tidak lupa kepada semua penyelia saya yang sangat membantu saya dalam menjalankan kajian PhD mengenai penulisan novel. Tidak lupa keluarga yang sentiasa menyokong dan membantu dalam apa jua keadaan.

Rujukan

- Amertawingrum, I. P., Ngumarno, N., & Budiyo, S. (2021). The Representation of Islamic Values in The Novel "The Fading of Cleopatra's Charm" by Habibburrahman El Shirazy. *EDUTEC : Journal of Education And Technology*. <https://doi.org/10.29062/edu.v4i4.207>
- Andriani, S., Hayati, Y., & Nst., M. (2018). Nilai-Nilai Islami Dalam Novel Assalamualaikum Beijing Karya Asma Nadia. *Jurnal Bahasa dan Sastra*. <https://doi.org/10.24036/896170>
- Bakar, N. F. F. A. (2022). In Search of Truth: On Intellectualism in Anwar Ridhwan's *Penyeberang Sempadan*. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v12-i11/15172>
- Irwansyah, N. (2018). Religius Values in Novel Nafsul Muthmainnah by Anfika Noer. *Hortatori : Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*. <https://doi.org/10.30990/htr.v2i2.103>
- Muhamad, A., Nasoha, M., Atqiya, A. N., Jannah, H. M., Fatimah, V., Fadilah, N., Pandawa, P. K. S. J., Tengah, J., K., Kewarganegaraan, P., Nasional, I., Syariah, N.-N., & Sosial, T. (2025). Pendidikan Kewarganegaraan dalam Perspektif Islam : Integrasi Nilai-Nilai Syariah dalam Kurikulum Pendidikan. *Aktivisme: Jurnal Ilmu Pendidikan, Politik dan Sosial Indonesia*. <https://doi.org/10.62383/aktivisme.v2i2.889>
- Nopiani, P., Morelent, Y., & , S. (2015). Nilai-Nilai Religius dalam Novel "Cinta dalam Sujudku" Karya Pipiet Senja. **, 4.
- Novianti, I., & Budiantoro, W. (2021). Nilai-Nilai Moral Islam dan Kesetaraan Gender dalam Novel Eliana Karya Tere Liye. *Yinyang: Jurnal Studi Islam Gender dan Anak*. <https://doi.org/10.24090/yinyang.v16i2.4835>
- Rahmawati, D. (2018). Implikasi Novel Bumi Bidadari Karya Taufiqurrahman Al-Azizy Terhadap Pembelajaran Agama. *Asy-Syukriyyah*. <https://doi.org/10.36769/asy.v19i2.36>
- Randi, R. (2019). Aspek Religius dan Moral Novel 99 Cahaya Di Langit Eropa Karya Hanum Salsabiela Rais Dalam Pembelajaran Apresiasi Sastra di Sekolah Menengah Atas. *Disastra: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*. <https://doi.org/10.29300/disastra.v1i1.1825>
- Riza, D., Nur, M., Ar, K., & Fitri, A. (2024). Analisis Pesan Dakwah Pada Novel Bujang dan Jenderal Portugis Karya Harlis Kurniawan. *Reflection : Islamic Education Journal*. <https://doi.org/10.61132/reflection.v1i4.185>
- Rusli, S. (2020). Aspek Religi dan Kepribadian dalam Novel Tuhan, Aku Kembali Karya Haidar Musyafa. *Jurnal Ilmiah Language and Parole*. <https://doi.org/10.36057/JILP.V4I1.443>
- Safriatullah, S., Auliadi, R., Amrullah, A., Nurmalawati, N., & Jais, M. (2025). Tantangan Implementasi AI di Perbankan Syariah: *Perspektif Regulasi dan Etika*. *Jurnal Ilmiah Guru Madrasah*. <https://doi.org/10.69548/jigm.v4i1.40>
- Salsabila, S. A., Rialdy, N., B., & Etika, P. (2024). Penerapan Etika Bisnis Syariah dalam Bisnis UMKM (Studi Kasus Roemah Burger Bagan Deli). *PRODUCTIVITY: Journal of Integrated Business, Management, and Accounting Research*. <https://doi.org/10.54373/product.v1i2.43>
- Sameer, I. (2025). Representation of Muslims in Don DeLillo's *Falling Man*: A Critical Discourse Analysis. *Journal of Language Teaching and Research*. <https://doi.org/10.17507/jltr.1604.05>
- Sofyan, M., Nursihah, A., & Hambali, H. (2021). Nilai-nilai Pendidikan Islam dalam Novel *Adzra'* Jakarta Karya Najib Kailani. *Atthulab: Islamic Religion Teaching and Learning Journal*. <https://doi.org/10.15575/ath.v6i1.13393>
- Syarif, N. (2017). Syariat Islam dalam Perspektif Negara Hukum Berdasar Pancasila. *Pandecta: Research Law Journal*, 11, 160-173. <https://doi.org/10.15294/pandecta.v1i12.7829>

- Taufiq, M. (2021). Konsep dan Sumber Hukum: Analisis Perbandingan Sistem Hukum Islam dan Sistem Hukum Positif. *Istidlal: Jurnal Ekonomi dan Hukum Islam*. <https://doi.org/10.35316/istidlal.v5i2.348>
- Utami, N. R., N., & Hendri, B. F. (2023). Nilai-Nilai Syariah Islam dalam Album Masih Ada Waktu Ebiat G Ade dan Implikasi dalam Pembelajaran Teks Puisi. *Journal of Practice Learning and Educational Development*. <https://doi.org/10.58737/jpled.v3i4.216>
- Vianinsia, A. T., & Pusposari, D. (2023). Kepribadian Tokoh Utama dalam Novel Minoel Karya Ken Terate. *JoLLA: Journal of Language, Literature, and Arts*. <https://doi.org/10.17977/um064v3i22023p296-310>
- Wahid, S. (2024). Analisis Keterkaitan Latar Belakang Kehidupan Spiritual Dalam Novel Temukan Aku Dalam Istikharahmu Karya Adi Rustandi Menggunakan Pendekatan Ekspresif. *LITERASI: Jurnal Ilmiah Pendidikan Bahasa, Sastra Indonesia dan Daerah*. <https://doi.org/10.23969/literasi.v14i2.12044>
- Yuwana, H. (2018). Nilai Religi Dalam Novel–Novel Karya Asma Nadia. **, 10, 173-180.